

23/07/1999

Kemenangan BN diutamakan

KUALA LUMPUR, Khamis - Dua parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini berikrar untuk mengutamakan kemenangan BN dan tidak akan membantah sebarang pemilihan calon yang bertanding dalam pilihan raya umum nanti.

Malah, mereka juga berikrar untuk merapatkan kerjasama dan memastikan tidak ada sebarang masalah dalaman parti yang berbangkit sehingga boleh menjejaskan persiapan pilihan raya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik, berkata persefahaman dan sikap tolak ansur itu sudah lama terjalin serta dipertahankan sehingga membolehkan BN terus memerintah sehingga hari ini.

"Sejarah membuktikan parti komponen mempunyai semangat kesetiaan yang tinggi dan akan terus menggerakkan jentera pilihan raya apabila Parlimen serta Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan.

"Gerakan bersama parti komponen lain akan menduduki gerakan pilihan raya di peringkat negeri dan bahagian untuk memastikan jentera pilihan raya BN berjalan lancar," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta ahli komponen BN supaya tidak mempersoalkan pemilihan calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum nanti.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka perlu mengutamakan BN kerana semua 14 parti komponen hanya menggunakan satu lambang iaitu dacing, walaupun setiap parti mempunyai lambang, bendera dan lagu masing-masing.

Dr Lim juga memberi jaminan Gerakan tidak akan meminta sebarang pertambahan kerusi dalam pilihan raya nanti kerana sudah memperolehi tambahan kerusi Parlimen dan DUN pada pilihan raya 1995.

Beliau berkata, parti itu hanya akan memohon pertambahan kerusi sekiranya persempadanan semula kawasan mengundi dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada masa depan.

Katanya, kerjasama yang wujud dalam BN tidak mungkin dapat diikuti oleh pakatan pembangkang kerana Pas, DAP, Keadilan dan PRM mempunyai ideologi yang berbeza.

Sebagai pemimpin Gerakan, katanya, beliau akan memastikan semua ahli mematuhi arahan parti bagi memastikan kemenangan calon BN.

Sementara itu, MIC juga akur dengan segala keputusan Dr Mahathir selaku Pengerusi BN dalam menentukan pengagihan kerusi untuk pilihan raya umum nanti.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata penentuan jumlah kerusi untuk setiap parti komponen BN adalah hak mutlak Perdana Menteri dan tidak wujud soal mempertikaikan keputusan beliau.

"MIC tidak meminta sebarang kerusi tambahan untuk pilihan raya tahun ini, sebaliknya menumpukan perhatian dalam mempertahankan kerusi Parlimen yang sedia ada bagi memastikan kejayaan BN.

"Perbincangan mengenai pengagihan kerusi hanya dilakukan dalam mesyuarat BN dan hanya Perdana Menteri sebagai Pengerusi BN boleh membuat kata putus mengenai siapa dan di mana seseorang calon itu bertanding.

"Semua keputusan ini dibuat dengan mengutamakan perpaduan dan sifat saling menghormati antara parti komponen yang juga menjadi teras pemerintahan kerajaan BN," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC.

(END)